



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 14 FEBRUARI 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10. 11. 12. 13.	SMART SBB ATASI ISU HUTANG PESAWAH, NEGARA, KOSMO -14 SMART SBB ELAK PESAWAH BERHUTANG, DALAM NEGERI, UM -12 NO WORD YET ON POULTRY FARMERS SUBSIDY EXTENSION, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -4 USING TAPIOCA, CRICKETS AS CHICKEN FEED CAN REDUCE CHICKEN PRICE, LETTERS, NST -16 PELANJUTAN BELUM DIPUTUSKAN KERAJAAN, LOKAL, HM -7 KABINET SETUJU BERI SUBSIDI AYAM, TELUR SEPANJANG SHMKM, NASIONAL, HAKAKAH -6 CARI ALTERNATIF TANGANI KENAIKAN HARGA AYAM, KELANTAN, HAKAKAH -12 NELAYAN TIADA NEGARA RANCAKKAN INDUSTRI PERIKANAN, NASIONAL, SH -3 KILANG SARDIN RM16], LOKAL, HM -16 KILANG IKAN SARDIN BAKAL DIBINA DI TOK BALI, NEGERI KELANTAN, SH -34 KILANG PROSES SARDIN RM16] DIBINA DI TOK BALI, NASIONAL, BH -18 KERAJAAN GALAK TANAM JAGUNG SECARA MELUAS BAGI ELAK PERGANTUNGAN IMPORT JADI PUNCA HARGA AYAM NAIK, MUKA DEPAN, BH -1 DASAR GALAK TANAM JAGUNG DIRANGKA, NASIONAL, BH -14	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
14.	PEMEGANG IJAZAH TEGA USAHAKAN KEBUN HIDROPONIK, UTARA, HAKAKAH -17	ABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
15. 16. 17. 18.	LELAKI JALA IKAN JUMPA PENYU AGAR LEMAH, LOKAL, HM -13 COMING UP FOR AIR, MUKA DEPAN, THE STAR -1 DOE: 12 WATER SAMPLES TAKEN FROM SG LANGAT FOR ANALYSIS, NEWS, THE STAR -3 LOWER OXYGEN LEVELS MAY LEAD TO PRAWNS SURFACING, SAYS EXPERTS, NEWS, THE STAR -3	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
19.	LPP RENTAS USIA 49 TAHUN TEGUH DEPANI CABARAN, NASIONAL, BH -13	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
20. 21. 22.	JEMPUT ORANG RAMAI KE PESTA JERAMI GULUNG CASTLE, UTARA, HAKAKAH -16 TINGKAT PENDAPATAN PESAWAH, NASIONAL, SH -19 PESTA JERAMI GULUNG CASTLE@WATEB, FIKRAH, HAKAKAH -F6	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
23.	AR-RAHNU AGROBANK, NASIONAL, BH -9	AGROBANK
24. 25. 26. 27. 28. 29. 30. 31.	KERAJAAN BELUM BUAT KEPUTUSAN LANJUT BERI SUBSIDI KEPADA PENTERNAK AYAM, NASIONAL, SH -19 PJKM DI PERKARANGAN LOONG HENG SUPERMARKET DARO, 24-25 FEBRUARI, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE HALAMAN ROSELLE DIDIK MURID CINTAI ALAM, PENDIDIKAN, BH -30 'FARM TO HOME' MEMUDAHKAN PENDUDUK SETEMPAT, DALAM NEGERI, UM -33 GRED AA RM13.90 SEPAPAN, LOKAL, HM -11 AYAM, TELUR KURANG HANYA SEMENTARA, NEGARA, KOSMO -16 SKRIP SAMA PENIAGA SETIAP KALI MENJELANG MUSIM PERAYAAN, NEGARA, KOSMO -11 GUNA BAHAN ALTERNATIF TEMPATAN GANTI MAKANAN TERNAKAN IMPORT, RENCANA, BH -12	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

MAFI mahu petani kurangkan bergantung kepada orang tengah urus tanaman

Smart SBB atasi isu hutang pesawah



RONALD (kanan) melawat tapak Projek Smart SBB MADA Bernas di Kampung Tok Jering di Alor Setar semalam.

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

ALOR SETAR – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) yakin isu pesawah dibelenggu hutang setiap kali mahu mendapatkan modal mengusahakan tanaman padi dapat diatasi menerusi Program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB).

Menterinya, Datuk Seri Dr. Ronald Kiang berkata, menerusi program itu, pesawah tidak perlu lagi bergantung sepenuhnya kepada orang tengah untuk menguruskan sawah masing-masing.

"Pesawah sebaliknya akan berurusan terus dengan syarikat peneraju yang dipilih membanhkan kawasan penanaman padi sekali gus mengurangkan pengaruh orang tengah dalam industri padi dan beras negara.

"Program ini tidak akan mengakibatkan pesawah berhutang kerana kos pengurusan sawah ditanggung syarikat peneraju.

"Jadi, pesawah tidak perlu berhutang lagi dengan mana-mana pihak untuk tanam padi di kawasan tanah mereka," katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan Program Smart SBB di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) C-IV Kangkong, di sini semalam.

Mengulas lanjut, ujarnya, namun penyertaan dalam program itu adalah secara sukarela.

"Tu atas pilihan mereka sendiri, tiada paksaan. Apa yang berlaku sekarang ini adalah pengurusan sawah yang dibuat pesawah ketika ini adalah atas kos tanggungan sendiri selain subsidi

diberi kerajaan," ujarnya.

Ketika ditanya tentang isu dibangkitkan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berkaitan pesawah tentang SBB termasuk isu hak milik tanah, katanya, perkara itu tidak timbul kerana hak milik tanah sama sekali tidak berubah.

"Walaupun apa sahaja isu dibangkitkan, kita yakin dengan kejayaan (Smart SBB) seperti di Perak dan Selangor, lebih ramai pesawah terutama di Kedah akan menyertai program ini," jelasnya.

Tambahnya, seramai 3,811 pesawah telah mendapat manfaat daripada Smart SBB melibatkan kawasan penanaman padi seluas lebih 9,500 hektar di beberapa tempat termasuk Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor dan IADA Seberang Perak.



NIK MUHAMMAD ZAWAWI (kanan) meninjau bengkel penghasilan bot fiber di Kampung Pachakan, Pasir Puteh semalam.

Industri ikan tuna mampu jana untung

PASIR PUTEH – Bot laut dalam milik nelayan tempatan perlu meneroka industri perikanan tuna yang sedang berkembang dan membangun sekali gus mampu menjana pendapatan baharu kepada negara.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, pengusaha bot laut dalam perlu merebut peluang untuk terlibat dalam industri tuna oseanik dan tuna neritik untuk pasaran eksport selain keperluan industri hauran dalam negara.

Menurutnya, setakat ini, pelabuhan Labuan dan Pelabuhan Klang menjadi penggerak industri tuna yang aktif mendaratkan pelbagai jenis tuna jenis oseanik iaitu tuna sirip kuning, tuna mata besar, tuna albakor dan aya jalur.

"Tangkapan tuna neritik di perairan negara pula melibatkan jenis aya hitam, aya kurik, aya selasih dan aya peluru yang ditangkap oleh pukat jerut Zon C selain Zon C2 masih memerlukan peningkatan produktiviti untuk memenuhi permintaan pasaran.

"Harga pasaran bagi satu kilogram tuna sirip kuning di Jepun dianggarkan RM287 dan seekornya mampu mencecah 50 hingga 70 kilogram. Berdasarkan nilai itu, ia merupakan satu pelaburan yang menguntungkan," katanya ketika ditemui ketika meninjau kegiatan perikanan pesisir pantai Kampung Pachakan, di sini semalam.

Hadir sama, Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Kelantan, Khuzaimah Hussin.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/2/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	12

Smart SBB elak pesawah berhutang

ALOR SETAR: Program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) yang diperkenalkan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dapat membantu mengelakkan pesawah dibelenggu hutang setiap kali musim penanaman padi.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, menerusi program itu, pesawah tidak lagi perlu bergantung sepenuhnya kepada orang tengah untuk menguruskan sawah masing-masing.

Katanya, pesawah sebaliknya akan berurusan secara terus dengan syarikat peneraju yang dipilih membangunkan kawasan penanaman padi sekaligus mengurangkan pengaruh orang tengah dalam industri padi dan beras negara.

“Program ini tidak akan mengakibatkan pesawah berhutang kerana kos pengurusan sawah akan ditanggung syarikat peneraju terlibat.

“Jadi, pesawah tidak perlu berhutang lagi dengan mana-

SBB di kawasan Muda di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) C-IV Kangkong di sini hari ini.

Ketika ditanya tentang isu dibangkitkan pertubuhan bukaan kerajaan (NGO) berkaitan pesawah tentang SBB termasuk isu hak milik tanah, kata Ronald, perkara itu tidak timbul kerana hak milik tanah sama sekali tidak akan berubah.

“Walau apa sahaja isu dibangkitkan, kita yakin dengan kejayaan (Smart SBB) yang telah ditunjukkan di Perak dan Selangor, lebih ramai pesawah terutama di Kedah akan menyertai program ini,” jelasnya.

Sementara itu, tambahnya, seramai 3,811 pesawah telah mendapat manfaat daripada program Smart SBB melibatkan kawasan penanaman padi seluas lebih 9,500 hektar di beberapa tempat termasuk Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor dan IADA Seberang Perak.



RONALD KIANDEE (kanan) melawat tapak Projek Smart SBB MADA Bernas di Kampung Tok Jering, Alor Setar semalam.

mana pihak untuk tanam padi di kawasan tanah mereka,” katanya. Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas melancarkan Program Smart

No word yet on poultry farmers subsidy extension

ALOR STAR: The government has yet to decide whether to extend the subsidy for poultry farmers after June 4, said Agriculture and Food Industries Minister (Mafi) Datuk Seri Ronald Kiandee.

He said the current subsidy was for the period between Feb 5 to June 4, which is during the implementation of the Keluarga Malaysia Maximum Price Control Scheme, involving an allocation of more than RM500 million.

"The subsidy is given to ensure the price of chicken remains below RM8.90 per kg compared with the market price, which can

reach up to RM9.80 or RM9.90 per kg. Since we want to lower the price, the government needs to provide a subsidy even if it will have a financial impact on the government.

"At the moment, we cannot reduce the price of imported corn. We do not grow corn commercially for animal feed, so we import it and hence, the increase in the price of chicken," he said yesterday.

Ronald added that a new policy to encourage corn cultivation was being drafted to reduce the country's dependence on imported corn for use as animal feed as part of efforts to control

chicken prices.

"The government wants to encourage the cultivation of corn as the country's dependence on imported corn has resulted in an increase in the cost of livestock farming in Malaysia and also the price of chicken in the market."

The government has agreed to provide a subsidy of 60 sen per kg to poultry farmers, by taking into account the farm-level price of live chickens at RM5.90 per kg and the retail price of standard chicken at RM8.90 per kg, as well as a subsidy of five sen per egg for all categories. - Bernama

LONG-TERM MEASURE

Using tapioca, crickets as chicken feed can reduce chicken price

THE latest chicken price increase has caused another stir.

The reason for the hike, as told by the authorities, is the increase in the price of chicken feed, which constitutes about 70 per cent of production costs.

Several measures have been implemented by the government in response to the issue such as setting a ceiling price through subsidies and increasing the volume of imported whole chicken.

The Agriculture and Food Industries Ministry is mulling the domestic production of grain corn as one of the long-term intervention measures, owing to the fact that almost 55 per cent of poultry feed is made up of corn.

Once in place, this would increase the percentage of locally sourced ingredients in chicken feed, which is less than 10 per cent.

However, no one has proposed to explore the use of alternative ingredients as chicken feed despite their potential and practicality.

Insects and tapioca, in particular,



Chicken feed makes up about 70 per cent of production costs. PIC BY HAIRUL ANUAR RAHIM

possess the ability to partially replace the conventional commercial poultry feed as suggested by research papers, including the ones published by local scientists, as well as by the Food and Agriculture Organisation.

In fact, they have been used by chicken farmers in several countries,

albeit not widely.

As chickens are naturally omnivores, adding insects like black soldier fly (BSF) larvae and crickets to their diet would not harm them as they would prey on these insects in the wild.

What's more, both insects are high

in essential amino acids and protein digestibility.

Studies have also found that the meat and eggs of insect-fed chickens are of equal (if not superior) quality.

The same goes for tapioca, whereby a number of studies stated that it could partially replace corn by up to 50 per cent without compromising on the weight gain and growth of broilers.

Crickets and BSF larvae are easy to breed. They thrive well in the tropical Malaysian climate and can be fed with human food waste, which makes them more cost-effective.

Tapioca, too, is economical as it is easy to grow and robust by nature. It can be cultivated on poor, degraded soils that are not suitable for other plants.

Apart from that, breeding crickets and BSF are not labour-intensive, neither do they need a wide area to grow well.

Chicken farmers can rear them on their farms and the government can convert underutilised spaces, abandoned buildings and construction

projects into breeding sites for these critters.

What we need is a series of multidisciplinary research involving entomologists, veterinarians and scientists to study each stage of the process — from the best food waste for the insects to the best ratio of each ingredient in the diet of chickens.

If these local ingredients are proven safe to replace the imported chicken feed, we can possibly lower the cost of chicken feed and reduce the price of chicken in the market.

It can also reduce our import bill, consequently strengthening our currency. This can also offer additional income to our citizens.

Hence, a more feasible and long-term measure to stabilise the chicken price is much needed and can be sustainable too.

SHAHRUL AMRI AB WAHAB
SYAZLIANA KASIM

Faculty of Business and Management, UTM, Negri Sembilan branch, Rembau campus

SUBSIDI KEPADA PENTERNAK AYAM

Pelanjutan belum diputuskan kerajaan

Alor Setar: Kerajaan belum memutuskan melanjutkan pemberian subsidi kepada penternak ayam yang tamat pada Jun depan berikutan masih memantau isu harga ayam ketika ini.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, pemberian subsidi yang pertama kali terpaksa dilaksanakan memberi implikasi kewangan lebih RM500 juta kepada kerajaan.

Jelasnya, tujuan pemberian subsidi berkenaan adalah bagi memastikan harga ayam kekal di bawah RM9 sekilogram berbanding harga sebenar pasa-



Kerajaan dijangka membayar lebih setengah bilion ringgit dalam tempoh empat bulan kepada penternak”

Dr Ronald Kiandee

ran yang sepatutnya menecah sehingga RM9.90.

“Ketika ini, kita tidak boleh kurangkan harga jang import jadi kita terpaksa beri subsidi kepada penternak agar harga pasaran ayam dapat diku-

lam tempoh empat bulan kepada penternak.

“Disebabkan itu, sebarang keputusan melanjutkan subsidi berkenaan akan diputuskan kerajaan kelak kerana ini pertama kali berlaku kita bagi subsidi kepada penternak ayam datang dan ayam telur,” katanya kepada pemberita selepas Majlis Pelancaran Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) bagi Kawasan Muda di sini, semalam.

Hadir sama, Exco Pertanian dan Industri Makanan negeri Azman Nasrudin dan Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) Ahmad Tarimi Sulaiman.

rangkan bawah RM9, sedangkan harga pasaran sepatutnya lebih dari itu.

“Tetapi apabila kita bagi subsidi, ia memberi kesan kewangan apabila kerajaan dijangka membayar lebih setengah bilion ringgit da-

Kabinet setuju beri subsidi ayam, telur sepanjang SHMKM

KUALA LUMPUR: Kabinet hari ini bersetuju memberikan subsidi 60 sen per kilogram (kg) kepada penternak ayam dengan mengambil kira harga ayam hidup di peringkat ladang sebanyak RM5.90 per kg dan harga runcit ayam bulat standard RM8.90 per kg.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee dalam kenyataannya berkata jemaah menteri turut bersetuju memberikan subsidi sebanyak 5 sen bagi setiap biji telur semua jenis kategori.

"Tempoh pemberian subsidi adalah mulai 5 Feb hingga 4 Jun depan iaitu sepanjang tempoh pelaksanaan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM)," katanya dipetik sebagai berkata.

Menurut Ronald, tujuan pemberian subsidi adalah untuk meringankan beban penternak susulan peningkatan kos terutamanya kos makanan yang meliputi 70 peratus daripada kos pengeluaran selain kos logistik, kos pekerja, kos utiliti dan kos ubat-ubatan.

Beliau turut berharap langkah intervensi kerajaan melalui pemberian subsidi kepada penternak dapat



Datuk Seri Dr Ronald Kiandee

menstabilkan kembali bekalan sekali gus memastikan rakyat dapat membeli ayam dan telur dengan harga berpatutan.

Katanya, anggaran keseluruhan implikasi kewangan kepada kerajaan bagi melaksanakan pemberian subsidi ayam dan telur di seluruh negara untuk tempoh empat bulan ini adalah sebanyak RM528.52 juta.

Beliau berkata kementerianannya melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar akan mengadakan sesi libat urus berterusan dengan pihak industri.

Ini bagi memastikan industri ayam dan telur terus kekal mampan dan beroperasi dalam skala penuh bagi memastikan pengeluaran di ladang mencukupi bagi memenuhi keperluan tempatan, katanya. - *Agensi Berita*

Cari alternatif tangani kenaikan harga ayam

Oleh **AIN MANAF**

KOTA BHARU: Rungutan orang ramai terhadap kenaikan harga ayam kebelakangan ini turut mendapat perhatian kerajaan Pusat dan negeri.

Malah Timbalan Men-

teri Pertanian dan Industri Makanan II, Dato' Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh memberi amaran terhadap pihak tertentu yang memainkan spekulasi harga ayam sehingga membebankan pengguna.

Manakala kerajaan negeri pula mengadakan perbincangan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bagi menangani isu kenaikan harga ayam.

Pengerusi Jawatankuasa Perindustrian, Perdagangan, Pelaburan dan Pembangunan Usahawan Negeri, Dato' Hanifa Ahmad berkata, perbincangan diadakan bagi mengenal pasti faktor kenaikan harga ayam sekarang.

Kata beliau sehingga sekarang nampaknya isu tersebut belum dapat diselesaikan.

"Jadi kita lihat perlu ada inisiatif dilakukan bagi memberi kelegaan kepada semua pihak terutamanya pengguna," katanya di sini pada Khamis.

Bagaimanapun katanya, berdasar maklumat awal difahamkan kenaikan harga ayam berlaku disebabkan



Peniaga mendedahkan mendapat bekalan ayam daripada pembekal pada harga yang tinggi.

kan kenaikan harga bekalan makanan ayam.

Sementara itu ketika tinjauan di pasar di sekitar Pasir Mas kenaikan harga ayam secara mendadak bukan sahaja meresahkan pembeli, sebaliknya peniaga turut terkesan.

Rata-rata peniaga yang ditemui mengeluh kerana ayam yang dibeli daripada pembekal dijual dengan harga mahal.

Seorang peniaga, Rohani Amat, 67, berkata, beliau tidak mempunyai pilihan selain terpaksa menaikkan

harga ayam bagi mengelak kerugian.

"Kita memahami situasi semasa. Saya tidak dapat menjual pada harga lebih rendah berikutan harga ditetapkan pembekal sudah tinggi," katanya ketika ditemui.

Seorang lagi peniaga Hasmah Ramli, 65, berkata, beliau dimaklumkan harga ayam naik secara mendadak disebabkan makanan ruji ternakan itu mahal, sekali gus menyebabkan penernak terpaksa menaikkan harga.

Nelayan tiada negara rancakkan industri perikanan

PASIR PUTEH - Kerajaan sedia membawa masuk golongan nelayan yang tidak mempunyai kerakyatan untuk berkhidmat dalam sektor perikanan dalam usaha menangani masalah kekurangan pekerja dan merancakkan ekonomi negara.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II (MAFI), Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, langkah tersebut dilihat tepat berikutan golongan tersebut mempunyai daya tahan yang tinggi untuk berada di laut dalam tempoh jangka masa panjang sehingga berbulan-bulan lamanya berbanding rakyat tempatan.

“Mereka mampu menjadi pemain utama dalam sektor perikanan sekali gus menjana hasil kepada negara,” katanya semasa meninjau komuniti nelayan di Kampung Pachakan di sini pada Ahad.

Menurutnya, lebih 7,000 golongan nelayan yang tidak mempunyai kerakyatan dikesan berada di Kelantan ketika ini.

Beliau berkata, MAFI telah membawa perkara tersebut kepada pengetahuan Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk mendapatkan dokumen bagi membolehkan mereka berkhidmat di sektor berkenaan.

Ahli Parlimen Pasir Puteh itu berkata, sebahagian daripada permohonan golongan tersebut telah diproses oleh kerajaan. Saya yakin proses ini akan dapat diselesaikan dalam masa terdekat,” ujar beliau.



Nik Muhammad Zawawi (kanan) meninjau komuniti di Kampung Pachakan, Pasir Puteh pada Ahad.

Kilang sardin RM16j

Rancangkan pembangunan sekitar Tok Bali, naik taraf nelayan

Bernama

Pasir Puteh

Sebuah kilang memproses ikan sardin untuk dieksport bernilai RM16 juta bakal dibina di Tok Bali di sini, sekali gus dapat merancang pembangunan di kawasan berkenaan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, peruntukan itu akan digunakan untuk membina bangunan kilang, mesin, peralatan, pengoperasian dan vesel penangkapan.

“Sebelum ini, sebahagian ikan sardin akan ditempatkan di pelabuhan Tok Bali dan dieksport ke Thailand untuk diproses, jadi apabila kita memiliki kilang ikan sardin sendiri, ia dapat membantu ekonomi nelayan di sini.

“Kilang ini akan dibina berhampiran dengan kilang



DR Nik Muhammad Zawawi (kanan) melihat peti fiber untuk bot nelayan yang rosak dan akan dibaik pulih semula sempena Program Lawatan dan Ramah Mesra Bersama Nelayan di Kampung Pachakan, semalam.

air batu yang dijangka beroperasi dalam tempoh terdekat,” katanya selepas melakukan lawatan kerja ke Pangkalan MyKomuniti Pe-

rikanan (MyKp) di Kampung Pachakan dekat Semerak di sini, semalam.

Turut hadir, Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan

Malaysia (LKIM) Kelantan Khuzaimah Hussin dan Pengerusi MyKp Kampung Pachakan Mohamad Yusoff Mamat.

Kilang ikan sardin bakal dibina di Tok Bali



Nik Muhammad Zawawi (dua dari kanan) turun padang meninjau permasalahan yang dialami nelayan di Kampung Pachakan, Pasir Puteh pada Ahad.

Mampu jadikan Malaysia pengeluar ikan sardin halal di rantau Asia

Oleh HAZELEN LIANA
KAMARUDIN

PASIR PUTEH

Sebuah kilang memproses ikan sardin akan dibina di Tok Bali, di sini dalam usaha merancakkan pertumbuhan ekonomi di kawasan berkenaan pada masa hadapan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, projek tersebut telah berada dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12).

"Kilang itu (memproses sardin) akan dibina bersebelahan kilang ais yang sudah siap dan dijangka boleh memulakan operasi pada bila-bila masa," katanya ketika turun padang meninjau permasalahan yang dialami nelayan di Kampung Pachakan, di sini pada Ahad.

Menurutnya, kewujudan kilang itu nanti membolehkan Malaysia menjadi pengeluar ikan sardin halal di rantau Asia.

Beliau berkata, Tok Bali merupakan salah satu lokasi terbaik untuk mendaratkan tuna atau ikan sardin apabila kilang tersebut siap nanti.

Ahli Parlimen Pasir Puteh itu berkata, selain itu, ia juga menawarkan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat sekaligus melonjakkan lagi ekonomi setempat.

"Kerajaan amat memberikan galakan kepada pengusaha tempatan untuk menceburi akti-

viti tangkapan ikan sardin atau tuna di negara ini.

"Hasil tinjauan yang saya lakukan semasa turun padang ke Pelabuhan Klang sebelum ini mendapati ikan sardin jenis yellow pink boleh mencecah sehingga AS\$70 untuk sekilogram di negara Jepun," katanya.

Nik Muhammad Zawawi berkata, beberapa projek lain sedang dalam proses untuk dibangunkan bagi merealisasikan hasrat menjadikan Tok Bali sebagai hab pelabuhan halal di rantau Asia.

Kementerian Kewangan sebelum ini meluluskan insentif cukai khas untuk memacu pelaburan di Kelantan, yang akan memberi manfaat kepada Tok Bali sebagai pusat pertumbuhan baharu di negeri ini dengan memberikan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100 peratus selama 15 tahun dan cukai pendapatan pada kadar istimewa 17 peratus bagi lima tahun berikutnya.

Kilang proses sardin RM16j dibina di Tok Bali

Projek dijangka rancangan pembangunan, ekonomi setempat

Pasir Puteh: Sebuah kilang memproses ikan sardin untuk dieksport akan dibina di Tok Bali, sekali gus merencanakan pembangunan kawasan berkenaan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh, berkata peruntukan RM16 juta akan disalurkan untuk membina bangunan kilang, membeli mesin, peralatan, operasi dan vesel penangkapan.

"Sebelum ini, sebahagian ikan sardin akan ditempatkan di pelabuhan Tok Bali dan dieksport ke Thailand untuk diproses.

"Apabila memiliki kilang sendiri, ini membantu men-



Nik Muhammad (tengah) pada Jualan Keluarga Malaysia peringkat Parlimen Pasir Puteh, semalam. (Foto BERNAMA)

jana ekonomi nelayan di sini. "Kilang ini akan dibina berhampiran kilang air batu yang dijangka beroperasi dalam tempoh terdekat," katanya selepas

melawat Pangkalan MyKomuniti Perikanan (MyKp) di Kampung Pachakan dekat Semerak, di sini semalam.

Turut hadir Pengarah Lemba-

ga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) -Kelantan, Khuzaimah Hussin dan Pengerusi MyKp Kampung Pachakan, Mohamad Yusoff Mamat. BERNAMA

TARIKH

MEDIA

RUANGAN

MUKA
SURAT

14/2/2022

BERITA
HARIAN

MUKA DEPAN

1

6787 | PP 414/10/2012 (030686) | RM2 •

Kerajaan galak tanam jagung secara meluas bagi elak pergantungan import jadi punca harga ayam naik

Nasional 14



Dasar galak tanam jagung dirangka

Usaha tampung permintaan makanan haiwan ternakan, kawal harga ayam

Oleh M Hifzuddin Ikhsan
hifzuddin@bh.com.my

Alor Setar: Kerajaan sedang merangka dasar baharu bagi menggalakkan penanaman jagung secara meluas di negara ini untuk mengurangkan kebergantungan kepada jagung import, yang menyebabkan kenaikan harga ayam.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata penanaman jagung secara komersial itu diharapkan dapat menampung permintaan makanan haiwan ternakan tempatan, sekali gus mengawal harga ayam di pasaran.

“Industri penternakan kita bergantung kepada makanan import yang berdasarkan harga pasaran antarabangsa.

“Kenaikan harga jagung import yang menjadi bahan makanan utama ternakan ayam menjadi antara punca kenaikan harga ayam di pasaran tempatan, sekali gus membebankan pengguna,” katanya pada sidang media, di sini, semalam.

Terdahulu, beliau menghadiri Majlis Pelancaran Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) bagi Kawasan Muda.

Yang turut hadir, EXCO Pertanian dan Industri Makanan negeri, Azman Nasrudin dan Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Ahmad Tarmizi Sulaiman.

Pada masa sama, beliau berkata, kerajaan belum memutuskan untuk melanjutkan pemberian subsidi kepada penternak ayam, yang tamat pada Jun depan berikutan masih memantau harga ayam.

Katanya, pemberian subsidi yang pertama kali terpaksa dilaksanakan memberi implikasi kewangan lebih RM500 juta kepada kerajaan.

Jelasnya, tujuan pemberian subsidi berkenaan adalah bagi memastikan harga ayam kekal di bawah RM9 sekilogram berbanding harga sebenar pasaran yang sepatutnya mencecah sehingga RM9.90.

Selain itu, beliau berkata, kerajaan tidak akan mewajibkan pesawah di negara ini menyertai skim SMART SBB berikutan program itu ditawarkan secara sukarela. Beliau berkata, pesawah masih diberi kebebasan memilih skim berkenaan atau meneruskan pengurusan sawah secara persendirian, termasuk menanggung segala kos.

Katanya, skim SMART SBB yang dilaksana di Selangor, Perak dan Perlis meningkatkan pengeluaran padi sehingga 12 tan metrik per hektar, hasil pengurusan ladang yang cekap serta penggunaan teknologi.

LPP rentasi usia 49 tahun teguh depan cabaran

Misi perkasia peladang terus maju, berdaya saing sebagai pengeluar utama agromakanan

Kuala Lumpur: Lembaga Pertubuhan Peladang kini pada usia 49 tahun sejak ditubuhkan pada tanggal 14 Februari 1973.

Peranan LPP sebagai agensi pembangunan, pengurusan dan yang paling utama sebagai pendaftar kepada semua Pertubuhan Peladang seluruh Malaysia menjurus untuk meningkatkan ekonomi dan sosial masyarakat tani melalui satu entiti iaitu Pertubuhan Peladang (PP).

Ia untuk memastikan agenda memperkasakan PP dan mewujudkan masyarakat peladang yang progresif, makmur dan bersepadu tercapai.

Sehingga kini, terdapat 279 PP di seluruh negara pada peringkat kawasan, negeri dan kebangsaan yang ditubuhkan bagi memberikan perkhidmatan kepada lebih 920,000 ahli peladang.

Pada peringkat awal penubuhan, jumlah ahli peladang adalah seramai 99,600 orang di bawah payung 119 persatuan peladang dan peranan LPP pada ketika itu menumpukan kepada usaha mewujudkan rangkaian pergerakan PP yang mantap serta cakup di seluruh negara dengan memperkenalkan projek pertanian komersial untuk manfaat ahli peladang.

PP yang pada awalnya ditubuhkan sebagai satu pusat kemajuan peladang seterusnya membesar menjadi satu entiti perniagaan berasaskan pertanian yang mana pada masa sama memberi perkhidmatan diperlukan kepada golongan sasaran.

PP adalah institusi peladang yang unik kerana mempunyai ciri-ciri istimewa dan dapat mengemblemkan semua sumber ekonomi yang ada ke arah peningkatan pengeluaran hasil dan taraf hidup warga peladang.

Selama tempoh 49 tahun, LPP menempuh pelbagai cabaran dan ujian bagi memastikan kemajuan serta peningkatan sosio-ekonomi masyarakat peladang dalam misi melahirkan peladang yang progresif dan terus berdaya saing dalam sektor agromakanan negara.

Walaupun berhadapan dengan era baharu pandemik COVID-19, LPP terus komited dalam mem-



LPP sentiasa mendukung aspirasi dan hala tuju sektor agromakanan negara.

pergerakan PP terus relevan menyumbang kepada sektor agromakanan negara dan memastikan kebajikan ahlinya sentiasa terjaga.

Malah, LPP mengambil inisiatif mewujudkan pelbagai insentif dan program sebagai bantuan kepada masyarakat peladang yang terkesan bagi mengurangkan beban mereka.

Ketika negara dan seluruh dunia berdepan dengan pandemik COVID-19, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyalurkan peruntukan berjumlah RM97.77 juta kepada LPP melalui beberapa program untuk merangsang semula ekonomi negara.

Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) pada 2020 membabitkan tiga program iaitu Program Menaik Taraf dan Tambah Hayat Mekanisasi Ladang Sedia ada; Program Dana Khas Projek Agromakanan Pertubuhan Peladang serta Program Peningkatan Mobilisasi dan Logistik Bahan Makanan dan Projek Tanaman Kontan B40.

Pada 2021 pula, dua lagi program di bawah Dana Jaminan Makanan dilaksanakan iaitu Projek Pertanian Organik dan Ladang e-Satelit yang juga bertujuan untuk merangsang semula ekonomi negara.

MAFI telah melancarkan Dasar Agro Makanan Negara (DAN) 2.0 pada 25 Oktober 2021 yang menggariskan hala tuju industri agromakanan bagi tempoh 10 tahun mulai 2021 sehingga 2030.

Penyediaan Dokumen DAN 2.0 diajarkan dengan objektif Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB), Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12), manakala pada peringkat global pula diselari dengan Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*). DAN 2.0 direalisasikan dalam tempoh 10 tahun sehingga 2030 melalui pelbagai jabatan dan agensi termasuklah LPP.

LPP pada masa sama telah merangka Pelan Korporat LPP Ke-7 bagi tempoh lima tahun, bermula 2021-2025 yang mana selari dengan RMK-12, DAN 2.0 dan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) yang menyokong Aspirasi Keluarga Malaysia.

Pelan Korporat LPP Ke-7 adalah dokumen perancangan strategik utama yang menjelaskan visi, misi, teras strategik, keutamaan dan sasaran yang akan dicapai.

Pelan berkenaan turut menggariskan 10 teras strategi melalui tiga skop fungsi LPP iaitu pembangunan, pengurusan dan pendaftar.

Sebanyak 89 pelan tindakan telah dinyatakan bagi memastikan LPP terus menjadi peneraju kepada fungsi meningkatkan pengeluaran agromakanan negara melalui projek yang dijalankan oleh PP dan ahli serta usahawan peladang seluruh negara.

Fokus utama Pelan Korporat ialah untuk mengukuhkan rantai nilai terutama kepada sub-sektor di mana PP mempunyai *competitive advantage* iaitu dalam pengeluaran, pemasaran dan pemrosesan terutama dalam subsektor padi, sayur-sayuran seperti sawi, cili, halia, salad, ubi, lengkuas, jagung dan kobis. Buah-buahan seperti melon, durian, kelapa, nanas dan harumanis serta dalam ternakan unggas dan ruminan termasuk ayam dan lembu.

Dalam mengukuhkan rantai nilai, peladang memainkan peranan terpenting untuk mendorong keseluruhan misi ini.

Dalam usaha memartabatkan sektor agromakanan, program pembangunan PP dan ahli peladang terus dimantapkan melalui pelbagai program yang disediakan kerajaan melalui LPP.

Projek pembangunan yang menjadi tumpuan utama sepanjang RMK-12 bagi melengkapkan rantai nilai agromakanan PP termasuk Pembangunan Ladang



LPP bertujuan memikul tanggungjawab membantu meningkatkan ekonomi dan sosial masyarakat tani di bawah satu badan yang berperanan khusus.

Benih Padi PP dengan sasaran keluasan 8,700 hektar membabitkan 1,075 pesawah padi.

Pemodenan pertanian dalam kalangan peladang amat penting. Pembabit PP dan peladang dalam mekanisasi dan automasi perlu diperluaskan lagi. Dalam RMK-12, LPP menasaskan Pengukuhan dan Permodenan Khidmat Mekanisasi dan Automasi Pertanian yang membabitkan Pertubuhan Peladang Negeri (Kejenteraan) serta Program Pemilikan Jentera Kecil dan Sederhana Secara Geran Padanan (Maching Geran) mampu membabitkan lebih 1,475 peladang.

LPP juga telah mengambil inisiatif ke arah pemodenan pertanian melalui penggunaan *Internet of Things* (IoT) dan dron.

Menerusi program seperti Program Pemeriksaan Ladang Satelit dan Projek Ladang E-Satelit, PPK dan usahawan PP berpeluang untuk mengaplikasikan pertanian pintar dan dron yang mampu meningkatkan kecekapan di samping menjimatkan kos dalam kerja pengoperasian ladang.

Selain itu, usaha ke arah mendepani cabaran baru era pandemik COVID-19 seperti digitalisasi pemasaran dan konsep *contactless and cashless* mula diaplikasikan dalam perkhidmatan PP.

LPP terus komited mewujudkan ahli peladang berbudaya keusahawanan melalui pelaksanaan kursus berstruktur bagi meningkatkan pengetahuan, kecekapan dan kemahiran secara teori dan praktikal.

Fokus strategi ini dirangka bagi mewujudkan usahawan peladang baharu serta memantapkan usahawan peladang sedia ada, dengan mengekalkan skop PeladangNita dan PeladangMuda.

Program utama bagi memajukan peladang iaitu Agri-Apprentice melalui konsep mentor-protege projek diberikan ketumpuan sebagai kaedah pemindahan ilmu ke arah meningkat-

kan replikasi model perniagaan usahawan bercirikan IoT, mempunyai pensijilan dan akses pembiayaan peladang yang lebih mudah melalui peningkatan kecekapan sistem pembiayaan.

Dalam memastikan tadbir urus yang baik dan berintegriti pada peringkat PP pula, semakan semula perundangan dan peraturan berkaitan PP dilaksanakan agar misi memperkasakan peladang dan pergerakan PP dimantapkan.

LPP sangat menghargai setiap titik peluh warga peladang sebagai golongan sasaran yang perlu dibimbing ke arah meningkatkan taraf sosio ekonomi.

Kejayaan dan kecemerlangan LPP bukan hanya kerana perancangan, pelaksanaan dan strategi pembangunannya yang mantap sejak 49 tahun yang lalu, ia didukung oleh falsafah pengurusan menyeluruh dan komitmen seluruh warga LPP pada semua peringkat negeri dan kawasan.

Paling penting, penyumbang utama kecemerlangan LPP adalah komitmen dan kerjasama ahli peladang seluruh negara melalui pergerakan pertubuhan peladang masing-masing.

Agenda pembangunan PP demi memartabatkan masyarakat peladang akan terus kekal malah ia perlu disemarakkan lagi.

Justeru semua PP diseru agar gagah mendepani cabaran untuk kekal kompetitif dan relevan.

Peladang pula perlu lebih dinamik kerana arus masa dan keadaan terus berubah pada kadar yang begitu pantas.

PP perlu menjadi pemain industri yang komited untuk berdaya saing dan lestari dalam sektor agromakanan negara.

Pergerakan Pertubuhan peladang mungkin kecil jika bergerak sendiri, namun cuba bayangkan jika semuanya bergabung tenaga, kesatuan PP mampu memberi gegaran menjadi penyumbang besar kepada sektor agromakanan negara.

Pemegang ijazah tega usahakan kebun Hidroponik

KANGAR: Kesungguhan seorang anak muda dalam memajukan bidang pertanian wajar dicontohi terutama di kala ini bidang berkenaan jarang diceburi.

Mohd Asyraf Shuib, 40, lepasan Ijazah Sarjana Muda Sains (Pembangunan Manusia) dari Universiti Putra Malaysia (UPM) tega mengusahakan Kebun Hidroponik Abi Agro di tanah milik Allahyarham ayahnya di Kampung Tengah, Lorong Abi 3, Abi, Kangar.

Bermula dengan penanaman pisang, beliau me-

nambah ilmu pertaniannya dengan menyertai teknik tanaman moden (fertigasi) di Kuala Ibai, Terengganu, sedikit masa lalu.

“Saya bermula dengan modal RM500 menggunakan teknik fertigasi menanam cili 10 polibeg. Kemudian apabila yakin dengan teknik ini saya menambah 150 polibeg lagi,” jelas beliau.

Kata beliau, semangatnya untuk mengusahakan pertanian sedemikian bertambah membuak apabila kerajaan memperkenalkan Skim Belia Tani kepada lepasan siswazah yang ingin menceburi bidang terbabit.

Ujarnya menerusi pinjaman Skim Belia Tani dari Jabatan Belia dan Sukan, beliau membina enam buah rumah lindungan hujan dan 1,000 polibeg

fertigasi tanaman *rock melon*.

“Saya cuba tanaman *rock melon* ini sekitar tahun 2010, selepas membersihkan kebun pisang yang ditanam sebelum itu,” kata beliau lagi.

Anak kedua dari tiga adik beradik ini juga pernah diberi peluang belajar secara teori dan praktikal tanaman *rock melon* secara fertigasi di Jabatan Pertanian Perlis pada tahun 2008.

Dalam masa yang sama Asyraf juga berusaha mempelbagaikan lagi koleksi tanaman dengan menanam sawi secara hidroponik sebanyak 1,000 lubang di kebun yang sama.

“Alhamdulillah, hasil tanaman sawi saya memperoleh dana Geran Agropreneur Muda dari Lembaga Pertubuhan Ladang Perlis untuk mengubah kebun fertigasi kepada kebun hidroponik,” jelas beliau yang kini memfokuskan pengeluaran tanaman sawi hidroponik dengan membina sebanyak 5,000 lubang.



Asyraf bersama hasil sawi yang sudah boleh dipetik oleh pengunjung.

Lelaki jala ikan jumpa penyu agar lemah

Marang: Seekor anak penyu agar betina dijumpai di Pantai Pulau Kekabu di sini kelmarin dalam keadaan lemah.

Haiwan itu ditemukan pekerja ladang Mohd Fadli Mat, 43, yang menjala ikan di lokasi itu jam 1 tengah hari, kelmarin.

"Masa saya jumpa penyu itu, ia berada berhampiran kaki saya. Saya sangka sam-pah, tetapi apabila diamati, ia penyu yang masih hidup. Saya gosok cengkerang haiwan itu untuk buang lumut dan lepaskan semula ke

pantai namun apabila air surut ia naik semula ke darat.

"Jadi saya serahkan haiwan itu kepada anggota penyelamat pantai APM (Angkatan Pertahanan Awam Malaysia) yang berada di pos kawalan mereka," katanya di Pantai Pulau Kekabu di sini.

Katanya, ia penyu pertama dijumpainya dalam keadaan hidup. Beliau pernah

memerui dua bangkai penyu ketika menjala ikan di pantai sama.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Terengganu Ruzaidi Mamat berkata, penyu seberat 1.5 kilogram dengan panjang 33 sentimeter (sm) serta lebar 26.7sm itu dianggarkan berjumlah dua tahun.

"Anak penyu itu dibawa ke Pusat Konservasi Dan Penerangan Penyu (TCIC) di

Rantau Abang, Dungun untuk rawatan," katanya.

Katanya, ia penyu yang ke-18 ditemui terdampar di pantai Terengganu tahun ini.

Dalam pada itu, katanya, orang ramai diseru segera menghubungi talian pending Fishcom di talian 03-88885019 atau 03-88704058 yang beroperasi 24 jam jika menemukan penyu hidup atau mati terdampar di pantai.



MOHD Fadli (kiri) bersama anggota Penyelamat Pantai APM melihat anak penyu agar betina yang ditemui di Pantai Pulau Kekabu.



LUKA pada kepala anak penyu.





Coming up for air

Banting boatmen say pollution and riverworks may be cause of prawns surfacing at Sungai Langat's banks

By FARID WAHAB
faridwahab@thestar.com.my

BOATMAN Mohd Zamri Salleh, 42, regularly ferries anglers for fishing trips along Sungai Langat.

Early this year, he noticed that freshwater prawns in the river in Banting, Selangor were migrating to the riverbank en masse, to the extent that one could simply scoop them up by hand.

Locals term the phenomenon "udang mabuk".

This is when the crustaceans

are less active and swim closer to the surface.

"In my 12 years here, I have never seen prawns doing this," he said when met in Kampung Olak Lempit.

Zamri expressed concern that industrial activities along Sungai Langat could have affected the river's water quality.

"The prawn population boomed after movement restrictions were imposed in March 2020 probably because there were minimal human activities.

> TURN TO PAGE 3



Murky waters: Anglers who head to this spot in Kampung Labohan Dagang, Banting fear that pollution will affect their catch. — FAIHAN GHAN/The Star
(Right) The large amount of prawns collected by a fisherman in Sungai Langat when the phenomenon occurred.



A substance is seen on the surface at Sungai Langat.

DOE: 12 water samples taken from Sg Langat for analysis

> FROM PAGE 1

Alwi Selamat, 43, from Kampung Labohan Dagang, who fishes at Sungai Langat regularly, however said it was not unusual.

"It can happen when the water temperature changes due to a downpour upstream.

"If there is pollution, then why aren't fishes such as patin, keli and tilapia affected?" he asked.

Mohd Zamri opined that prawns were more sensitive to changes in water condition.

"Yes, it is normal for prawns to go 'mabuk' but not on the scale I witnessed recently," he pointed out.

Badaruddin Paiku, 55, of Kampung Sungai Kelambu, said prawns sometimes swim closer to the riverbank during high tide, which carries more sediment.

"When the water recedes, the smaller ones are washed away while the big ones are left behind," he explained.

Zamri did not think the incident was caused by "tuba" - which refers to illegal mass fishing using poison.

This is usually achieved by chopping off plants called "tuba" (*Derris elliptica*) before refining them into a powder.

The substance containing the chemical rotenone is then scattered

in an area to kill fishes by blocking their respiratory systems.

While some might consider the phenomenon a blessing, Zamri does not.

"If this continues, the prawns might all die.

"Sungai Langat will lose its appeal and the income of boatmen like me will be affected," he said.

Boatman Shahrul Surip said anglers could easily get between 1kg and 2kg of prawns during the phenomenon.

"Now that it is over, they may only get five or six prawns per fishing trip," said the 43-year-old who rents out his boat for RM150 per day.

Badaruddin said past projects to straighten Sungai Langat had made the river shallower, causing the accumulation of debris and loose soil.

"When there is a downpour upstream, the water current will stir up the debris and cause the phenomenon," he added.

Fisheries Department research institute senior director Dr Azhar Hanzah said the phenomenon was unusual.

"We were informed by the Environment Department (DOE) Sepang branch that there was a possibility of chemical pollution from nearby industries.



Shahrul says those who hire his boat claim that they can only catch five or six prawns per trip.

How nutrient leakage affects a water body

1 ● Plants produce oxygen via photosynthesis during which they absorb carbon dioxide and light.

2 ● When organic materials and inorganic nutrients enter an aquatic system, this results in excessive algae growth.

3 ● These algae limit the penetration of light, thus reducing the photosynthesis of other aquatic plants, affecting their oxygen production.

4 ● The excess algae die unconsumed and fall to the bottom where they will be decomposed by microbes, which use up oxygen in the process.

5 ● If the water is deoxygenated completely, anaerobic bacteria will grow and release toxic gases such as hydrogen sulphide, eliminating the remaining organisms.

"This has affected the level of dissolved oxygen inside the river which caused the prawns to surface," he said.

Azhar added that the Fisheries Department had released prawn larvae into Sungai Langat to increase its population.

Selangor DOE director Nur Aziah Jaafar said a check was performed

along a 5km stretch of the river upstream from Kampung Labohan Dagang.

"We did not find any dead prawns and have taken 12 water samples to be analysed by the Chemistry Department," she told *StarMetro*.

Environment and Water Minister Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man

did not discount the possibility of "tuba" activity being the cause.

He also said that water run-off from the surface during a downpour could have reduced the level of oxygen in the river.

"Checks did not find any effluents. The public is advised to report any incidents to DOE," he said in a post on his official Facebook page.

Lower oxygen levels may lead to prawns surfacing, say experts

By FARID WAHAB
faridwahab@thestar.com.my

A DECLINE in oxygen levels could cause prawns to swim to a riverbank.

Among possible reasons are pollutant run-off from land during a downpour and sediment being transported upstream during high tide.

Aquatic, coastal and marine ecology expert Dr Harinder Rai Singh said these could lead to increased demand for oxygen by organisms living in water.

"The presence of organic and inorganic chemicals, as well as

organic matter from the estuary, will also affect oxygen demand.

"For freshwater prawns, the ideal level of dissolved oxygen is between 5 and 7 mg/L.

"They can live in turbid waters, but this is not optimal," he told *StarMetro*.

Boatmen in Banting, Kuala Langat, Selangor, had raised concerns about the "udang mabuk" (dazed prawns) phenomenon.

They had noticed that the prawns were less active and had swum closer to the riverbank last month.

Water quality specialist Dr Zaid Zainuddin said water downstream

of Sungai Langat was at Class 3, as classified under the National Water Quality Standards (NWQS).

"The optimal Class 1 water level is usually limited to remote regions where there is minimal development," he said.

According to the NWQS, Class 3 water requires extensive treatment and is suitable for tolerant species and livestock while Class 4 is only for irrigation.

Zaid stressed that a lower oxygen level would adversely impact the more sensitive species, leaving only the stronger ones to survive.

"Pollutants such as heavy metals and hormones can accumulate in



Harinder Rai says freshwater prawns can live in turbid waters but the condition is not ideal.

the organism's tissues and even alter its behaviour," he added. Global Environment Centre director Faizal Parish raised concerns about industrial facilities along Sungai Langat.



Zaid says lower oxygen levels will adversely impact more sensitive species.

"There have been many complaints about pollution caused by these factories," he said, adding that more testing should be done to identify the source of pollution, if any.

Jemput orang ramai ke Pesta Jerami Gulung Castle

YAN: Orang ramai khususnya di daerah Yan dan berhampiran dijemput agar segera mengambil peluang berkunjung ke Pesta Jerami Gulung Castle@Wateb yang diadakan sehingga akhir Mac ini.

Adun Sungai Limau, Ustaz Mohd Azam Abdul Samat berkata, tempat berkenaan amat sesuai dijadikan rekreasi keluarga terutama di waktu petang selain menikmati pemandangan sambil bergambar.

“Saya juga pernah membawa keluarga ke situ dan apabila bergambar, seolah-olah berada di luar negara,”kata beliau ketika dihubungi Rabu lalu.

Pesta Jerami Gulung Cas-

tle@Wateb di persisiran Jalan Kepala 10, Sedaka, Yan, katanya mampu menjadi tarikan pelancong di mana pelbagai binaan dari jerami padi gulung membentuk objek menarik.

“Sewaktu saya pergi dulu, tak berapa banyak lagi binaan gulungan jerami tetapi sekarang dah banyak dan pelbagai,” ujar beliau lagi.

Pengunjung juga katanya tidak perlu gusar akan keselamatan memandangkan kawasan parkir di petak bendang disediakan.

Walau bagaimanapun pengunjung boleh sahaja meletakkan kenderaan di tepi jalan cuma agak berisiko kerana kenderaan yang lalu



Di pintu masuk Pesta Jerami Gulung Castle@Wateb.

lalang di situ agak laju.

“Di tapak pesta ini juga terdapat Warung Tepi Bendang. Jadi pengunjung bolehlah makan minum di situ.

“Cuma sukalahi saya ingatkan kepada pengunjung agar menjaga kebersihan dan keselamatan agar tempat berkenaan terus kekal sehingga bermula mu-

sim pada awal April nanti,” tambah beliau.

Dalam masa yang sama Azam mengucapkan ribuan terima kasih kepada Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan agensi kerajaan yang lain kerana mempromosikan tempat ini dengan menempatkan jerami gulung sebagai tarikan utama.

Tingkat pendapatan pesawah

Program Smart SBB bantu optimumkan penggunaan sumber dan tingkatkan kecekapan aktiviti penanaman dan pengeluaran hasil

Oleh ROSHILA MURNI ROSLI

ALOR SETAR

Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) menyasarkan pendapatan pesawah yang menyertai Program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) dapat ditingkatkan sehingga RM5,000 satu relung menjelang tahun 2025.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, Smart SBB merupakan salah satu inisiatif kerajaan dalam pengurusan sawah berpusat untuk mengoptimalkan penggunaan sumber dan meningkatkan kecekapan aktiviti



MOND FAZLIE

penanaman dan pengeluaran hasil.

Katanya, selain itu, meningkatkan pendapatan pesawah susulan pengurangan penglibatan orang tengah sepanjang rantaian nilai industri padi dan beras negara.

"Konsep smart farming iaitu penggunaan peralatan moden turut diguna pakai dalam program ini untuk meningkatkan kuantiti dan kualiti produk pertanian," katanya ketika ditemui pada majlis pelancaran Smart SBB di kawasan Muda di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) C-IV Kangkong di sini pada Ahad.

Menurutnya, sejak September 2020 sehingga kini, sebanyak 19 syarikat peneraju termasuk Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) telah menandatangani memorandum persefahaman (MoU) di mana kerajaan menyasarkan pembangunan kawasan penanaman padi seluas 300,000 hektar.

"Keistimewaan tambahan program melalui LZNK ini adalah dengan menampilkan elemen kebajikan kepada pembangunan asnaf melalui penawaran khidmat bimbingan, latihan serta semua kemudahan berkaitan



Ronald Kiandee (lima dari kanan) bergambar bersama agensi terlibat dalam majlis menandatangani MoU di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) C-IV Kangkong, Alor Setar pada Ahad.

pembangunan industri dan beras," katanya.

Katanya, MADA bersama rakan strategik Padiberas Nasional Berhad (Bernas) telah melaksanakan Program Smart SBB pada Musim 2/2021 dengan keluasan kawasan seluas 100 hektar di Kampung Tok Jering dan Kampung Permatang Ibus di sini.

"Keseluruhannya melibatkan 43 pesawah di bawah pengendalian PPK A-IV Batas Paip dan PPK C-IV Kangkong," katanya.

Sementara itu, pesawah dari

Kampung Tok Jering, Mohd Fazlie Mubarak, 27 berkata, dia memutuskan untuk mengikuti program Smart SBB setelah melihat manfaat yang diterima pesawah.

"Saya lihat banyak peningkatan manfaat kepada pesawah dari segi potongan hasil padi dan kemudahan untuk mengusahakan sawah.

"Perjanjian ini berlangsung selama lima tahun dan bayaran yang diterima pesawah adalah antara RM2,000 hingga RM3,000 serelung bergantung kepada hasil padi," katanya.

Kerajaan belum buat keputusan lanjut beri subsidi kepada penternak ayam

ALOR SETAR - Kerajaan belum memutuskan sama ada akan melanjutkan pemberian subsidi kepada penternak ayam yang dilaksanakan berikutan isu kenaikan harga ayam ketika ini.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, pemberian subsidi empat bulan mulai 5 Februari hingga 4 Jun itu membabitkan peruntukan lebih RM500 juta.

Katanya, pemberian subsidi berkenaan terpaksa dilaksanakan bagi memastikan harga ayam kekal di bawah paras RM9 sekilogram berbanding harga sebenar pasaran yang sepatutnya mencecah sehingga RM9.90.

"Pada ketika ini kerajaan tidak boleh kurangkan harga import jagung, oleh itu kerajaan putuskan beri subsidi kepada penternak untuk memastikan harga pasaran ayam pada kadar kurang RM9.

"Tetapi apabila kita bagi subsidi, ia memberi kesan kewangan di mana kerajaan dijadual membayar lebih setengah bilion ringgit dalam tempoh empat bulan ke-

pada penternak," katanya pada Ahad.

Menurutnya, dalam usaha mengawal harga ayam pada masa hadapan, kerajaan sedang merangka dasar baharu bagi menggalakkan penanaman jagung secara meluas di negara ini.

"Sekarang ini kita tidak tanam jagung secara komersial untuk makanan haiwan. Industri penternakan kita bergantung kepada makanan import yang berdasarkan harga pasaran antarabangsa.

"Jadi kita dalam proses mengolah dasar lebih agresif bagi melihat industri penanaman jagung dapat ditingkatkan bertujuan menampung kebergantungan kepada jagung import yang menyebabkan kenaikan harga ayam," katanya.

Sebelum ini, kenaikan jagung import yang menjadi bahan makanan utama ternakan ayam menjadi antara punca kenaikan harga ayam di pasaran tempatan yang menyebabkan pengguna terbebani dengan harga ayam yang melambung.

Harakah Fikrah

BIL. 2725 | 12 - 15 REJAB 1443 / 14 - 17 FEBRUARI 2022



Cantik dan mempersonakan umpama sebuah kota lama dan istana.

Oleh **SARINA ISMAIL**

TIADA siapa yang sangka, kawasan sawah padi ketika musim kemarau dapat dimanfaatkan sebagai lokasi aktiviti santai bersama keluarga.

Sekiranya anda menyusuri jalan ke Pulau Bunting, pastinya terparkir untuk singgah bersantai ke Pesta Jerami Gulung Castle@Wateb yang terletak di Kepala 10, Sedaka, Yan.

Tanah bendang yang kering dan lapang itu dibina dengan pelbagai binaan yang diperbuat daripada jerami padi membentuk gulungan dan lain-lain yang sememangnya berjaya menarik perhatian siapa sahaja yang menyusuri laluan itu.

Difahamkan Pesta Jerami Gulung Castle@Wateb hasil kreatif Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) Wilayah IV bersama PPK F-IV Sungai Limau Dalam.

Tinjauan *Harakah* ke lokasi tersebut mendapati kebanyakan yang hadir bersantai membawa keluarga dan anak-anak.

Suasana nyaman dengan angin sepoi-sepoi bahasa menjadikan aktiviti di tapak pesta itu semakin indah dan selesa. Tambahan pula terdapat sebuah

kedai makan yang dinamakan Warung Tepi Bendang yang menyediakan pelbagai makanan membolehkan pengunjung membasahkan tekak dan mengalas perut.

Salah seorang pengunjung yang ditemui, Adam Md Isa berkata, tempat berkenaan mampu menarik perhatian pengunjung khususnya dari luar Kedah.

"Tempat ini juga sesuai untuk membawa anak-anak dan keluarga bersiar-siar di waktu petang selain merakamkan kenangan di sini.

"Walaupun ini merupakan kunjungan saya pertama kali namun saya telah 'jatuh cinta' dengan keunikan di tapak pesta ini," kata anak jati Kampung Sedaka itu.

Justeru itu katanya, cuti yang masih berbaki sebelum kembali bekerja di Kuala Lumpur dimanfaatkan untuk mengunjungi tempat yang begitu unik dan mempersonakan.

Sementara bagi remaja 18 tahun, Balqis Mohamad pula katanya, tempat itu boleh menghilangkan 'stress' serta merehatkan minda.

Selain itu katanya, beliau dapat merakamkan kenangan indah di situ sementara bermula musim menanam padi.

Pesta Jerami Gulung itu juga berjaya

menggamit anak-anak muda di luar daerah Yan.

Ketika ditemui, kata mereka, tempat itu sesuai untuk aktiviti santai, lepak-lepak sambil menyedut udara segar.

Seperkara lagi, di tapak pesta itu juga disediakan perkhidmatan ATV dengan bayaran RM15 untuk dua pusingan.

Menurut pengurus ATV, Irfan Hakim, sambutan amat memuaskan terutama pada hari cuti sekolah.

"Ramai yang mahu mencuba ATV ini. Lagipun bayaran tidaklah mahal sangat. Untuk dua pusingan hanya RM15 sahaja," kata beliau.

“Tempat ini juga sesuai untuk membawa anak-anak dan keluarga bersiar-siar di waktu petang selain merakamkan kenangan di sini.”



Pintu masuk ke kawasan berkenaan juga sangat menarik.

'Jatuh cinta' keunikan jerami, bendang kering Pesta Jerami Gulung Castle@Wateb

Oleh itu kepada sesiapa yang ingin merasa sendiri keunikan Pesta Jerami Gulung Castle@Wateb harap segera hadir kerana ia hanya berlangsung sehingga akhir Mac ini sahaja.

Pakat-pakat la mai ramai-ramai nooo. Hanga tak rugi ah!!



Pengunjung boleh mencuba ATV.



Warung Tepi Bendang yang menanti pengunjung untuk menjamu selera.



Penulis dan rakan bergambar kenangan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/2/2022	BERITA HARIAN	NASIONAL	9

BAHAG PERNIHAHAN MALAYSIA BERSEKUTUAN BERHAD (AGROBANK BERSEKUTUAN BERHAD)



PEMBIAYAAN AR-RAHNU (TAWARRUQ)

**AR-RAHNU AGROBANK
AGROBANK MENAWARKAN
MARGIN PEMBIAYAAN
SEHINGGA 80%***

*Berkuatkuza dari
Januari 2022 sehingga Jun 2022



Itibas untuk info

*Perkara yang dinyatakan terakutik pada tempo tapan syarat dan syarat dari semasa ke semasa.



14 FEB, 2022

PJKM di pekarangan Loong Heng Supermarket Daro, 24-25 Februari

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2



BINCANG: Ahmad Johnie (kanan) ketika menghadiri mesyuarat penganjuran Program Jualan Keluarga Malaysia Peringkat Parlimen P.207 Igan semalam.

PJKM di pekarangan Loong Heng Supermarket Daro, 24-25 Februari

SIBU: Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) Peringkat Parlimen P.207 Igan akan diadakan di pekarangan Loong Heng Supermarket Daro bermula jam 10 pagi hingga 2 petang pada 24 dan 25 Februari ini.

Ahli Parlimen Igan Ahmad Johnie Zawawi berkata, program tersebut adalah inisiatif kerajaan bagi mengurangkan kos sara hidup dan beban rakyat khususnya di kawasan luar bandar.

"Program ini akan menjual barangan keperluan

asas dan harian dengan harga yang lebih rendah daripada harga pasaran semasa," jelasnya ketika dihubungi pemberita semalam.

Menurutnya, program tersebut melibatkan kerjasama pelbagai agensi akan diadakan di kesemua 222 kawasan Parlimen seluruh negara.

Agensi yang terlibat ialah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM),

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS).

"Datanglah beramai-ramai pada hari berkenaan untuk mendapatkan barang keperluan harian pada harga berpatutan," ujarnya.

Terdahulu, Ahmad Johnie telah menghadiri mesyuarat penganjuran program tersebut di bilik mesyuarat Pejabat Daerah Daro.



14 FEB, 2022

PJKM di pekarangan Loong Heng Supermarket Daro, 24-25 Februari

[Utusan Borneo Sarawak, Malaysia](#)

Page 2 of 2

SUMMARIES

IUK ESYUAKAT ^ E J A B A T ^ A E K A H J ^ A KQBINCANG: Ahmad Johnie (kanan) ketika menghadiri mesyuaratpenganjura Program Jualan Keluarga Malaysia Peringkat Parlimen P.207 Igan semalam.

SIBU: Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) Peringkat Parlimen P.207 Igan akan diadakan di pekarangan Loong Heng Supermarket Daro bermula jam 10 pagi hingga 2 petang pada 24 dan 25 Februari ini.

14/2/2022

BERITA
HARIAN

PENDIDIKAN

30

Halaman roselle dididik murid cinta alam

Oleh **Nas Norziela Nasbah**
bhpendidikan@bh.com.my

Shah Alam: Halaman Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Kemuning 2 dekat sini berubah menjadi kebun roselle hasil usaha murid dan tenaga pengajarnya.

Walaupun tidak luas, tanaman roselle yang diusahakan oleh warga sekolah berkenaan mendapat bimbingan daripada Lembaga Pemasyarakatan Pertanian Persekutuan (FAMA). Justeru murid berpeluang mempelajari tata cara penjagaan tanaman dengan betul.

Guru besar, Hamidi Shariff, berkata selain roselle kebun berkenaan turut ditanam dengan cili, terung dan pokok herba.

"Aktiviti ini sebenarnya adalah sebahagian usaha menyokong program Sekolah Lestari yang dimulakan sejak 2005.

"Selain mendapat bantuan FAMA untuk projek tanaman roselle, sekolah ini juga bekerjasama dengan Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam, Kolej Kejuruteraan

pelaksanaan pendidikan alam sekitar yang sedia ada. Melaluinya, pendidikan berkaitan alam sekitar dapat diterapkan secara tidak langsung.

Sementara itu, Penolong Kanan HEM SK Bukit Kemuning 2, Mohd Zuraidi Komari, berkata roselle mempunyai nilai komersial tinggi kerana khasiatnya selain menghasilkan buah yang cepat dan banyak.

"Program ini juga memberi peluang murid untuk mempelajari cara menanam, menyiram, membaja, memproses dan memasarkan tanaman dengan bimbingan guru bertujuan mewujudkan golongan berkemahiran selain akademik.

"Kami juga ingin melahirkan generasi berbeza dan warga sekolah berkualiti. Hasil tanaman roselle ini juga akan dikomersialkan untuk produk makanan dan barangan kosmetik bagi menjana dana bagi tujuan pembinaan murid serta sekolah," katanya.



Tanaman roselle yang dibuat secara komersial di sekolah berkenaan.



Sebahagian murid yang ikut serta dalam projek Sekolah Lestari.

Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam dan Universiti Toyama untuk mengukuhkan pendidikan kelestarian," katanya. Program Sekolah Lestari dilaksanakan pada 2001 dalam Simposium Pendidikan Alam Sekitar untuk Pengetua-Pengetua Sekolah Peringkat Kebangsaan. Ia dianjurkan Jabatan Alam Sekitar (JAS), Kementerian Tenaga Sains, Teknologi dan Inovasi

(MOSTI) dengan kerjasama Maktab Perguruan Teknik, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada ketika itu.

Ia bertujuan membantu sekolah memperkukuhkan proses

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/2/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	33



'Farm To Home' memudahkan penduduk setempat

PROGRAM 'Farm To Home' anjuran Mutaiyas Group of Companies dirasmikan baru-baru ini bagi memberi kemudahan kepada penduduk setempat mendapatkan bekalan sayur-sayuran dan buah-buahan organik dari ladang.

Majlis perasmian program tersebut diadakan di Mutaiyas

Cash & Carry Jalan Kuala Ketil, Sungai Petani, Kedah oleh Presiden Agro Malaysia, Datuk Seri G. Gnana Raja.

"Sambutan amat menggalakkan daripada pengguna yang mahu membeli produk organik dan berkualiti dari ladang," katanya yang juga Pengerusi Kumpulan Syarikat

Mutaiyas.

■ G. Gnana Raja (dua dari kanan) merasmikan pembukaan pusat jualan sayur-sayuran dan buah-buahan organik dari ladang di Mutaiyas Cash & Carry Jalan Kuala Ketil, Sungai Petani, Kedah baru-baru ini. - UTUSAN/ABD. RAZAK OSMAN

Gred AA RM13.90 sepapan

Bekalan telur ayam amat terhad, peniaga hanya dapat separuh daripada pesanan

Oleh Hafidzul Hilmi
Mohd Noor
hafidzul@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Bekalan telur ayam yang terhad di sekitar Lembah Klang menyebabkan berlaku kenaikan harga bahan mentah itu.

Tinjauan di pasar, pasar raya dan kedai runcit sekitar Lembah Klang mendapati kebanyakan peniaga menjual harga telur gred AA dengan harga RM13.50 sehingga RM13.90 sepapan.

Berlaku kenaikan harga berbanding dahulu yang dijual sekitar RM12.50 sepapan dan turut dikesan berlaku kenaikan bagi telur ayam gred B dan C.

Peniaga telur di Pasar Sekysyen 6, Shah Alam, Norliza Shafie, 50, berkata, bekalan telur ayam sangat terhad dan berlaku kenaikan harga kebelakangan ini.

"Pembekal hanya membekal telur kira-kira separuh daripada pesanan dibuat, contohnya kita memesan 100 papan telur ayam, namun pembekal hanya membekalkan 50 papan.

"Pembekal akan memaklumkan telur ayam amat terhad dan tiada. Saya hanya menjual telur ayam gred AA sahaja dan ia amat men-

dapat sambutan," katanya ketika ditemui, semalam.

Sementara itu, pengusaha Nur Hatimah Yusof, 46, berkata kerana bekalan telur ayam sukar didapati.

"Memang susah, ini hari kedua saya di sini dan terpaksa datang pagi kerana risau kehabisan stok telur ayam.

"Kebanyakan tempat yang saya pergi biasanya memang tidak ada stok kecuali terpaksa ke pasar harian dan membeli telur ayam gred AA," katanya.

Terdahulu, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) menubuhkan satu pasukan khas untuk menyasat isu persaingan dalam industri berkaitan ayam dan telur ayam.

Menurut agensi itu, pihaknya akan mengambil tindakan ke atas sebarang tindakan sabotaj ekonomi terhadap rakyat melalui elemen kartel atau penyalagunaan kuasa dominan serta monopoli dalam industri ayam, serta telur ayam di negara ini.



NORLIZA menyusun telur yang dijualnya di Pasar Sekysyen 6, Shah Alam. - Gambar NSTP/HAIRUL ANUAR RAHIM

KPDNHEP akan memastikan bekalan makanan itu sentiasa cukup di pasaran

Ayam, telur kurang hanya sementara

Oleh MOHAMAD FAIZAL HASHIM

JOHOR BAHRU - Kekurangan dan gangguan bekalan barangan tertentu seperti ayam dan telur ayam adalah bersifat sementara dan berlaku di lokalti tertentu sahaja.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Johor, Mohd. Hairul Anuar Bohro berkata, laporan mengenai kekurangan bekalan ayam dan telur ayam baru-baru ini mencetuskan situasi panik yang membawa kepada pembelian secara berlebihan.

Katanya, maklumat awal yang diperoleh mendapati, kekurangan bekalan ayam dan telur ayam berpunca daripada peningkatan kos harga makanan ayam, kos pengangkutan dan tenaga buruh ketika ini.

"Bagi mengesang isu ini, KPDNHEP akan meningkatkan usaha untuk memastikan semua peniaga mematuhi harga siling yang ditetapkan iaitu RM6.90 sekilogram bagi ayam, manakala harga telur ayam semua gred kekal seperti biasa.

"Pelaksanaan kawalan harga



MOHD. HAIRUL melihat harga ayam pada Program Jualan Keluarga Malaysia di Seri Alam. Pasir Gudang semalam.

bagi kedua-dua bahan mentah ini bermula 5 Februari hingga 5 Jun depan.

"Kita berharap peniaga dapat memberi kerjasama bagi memastikan bekalan keperluan ma-

kanan itu sentiasa mencukupi di pasaran," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Program Jualan Keluarga Malaysia di Seri Alam di sini semalam.

Mohd. Hairul Anuar berkata,

Ujarnya, pihak penguat kuasa



Selain pembeli, peniaga juga boleh membuat aduan sekiranya pembekal mereka mengenakan bayaran yang tinggi."

KPDNHEP Johor telah menjalankan pemeriksaan ke atas 9,540 premis merangkumi 8,182 peruncit, 1,208 pemborong dan 51 pengilang sejak awal tahun hingga hari ini.

"Daripada jumlah itu, seramai 229 individu telah dikenakan kompaun dengan jumlah keseluruhan RM37,000 bagi pelbagai kesalahan.

"Tindakan kompaun itu dikenakan mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011, Akta Kawalan Bekalan 1961, Akta Perlindungan Penggunaan dan Akta Perihal Dagangan 2011," ujarnya.

Tambahnya, selain pembeli, peniaga juga boleh membuat aduan sekiranya pembekal mereka mengenakan bayaran yang tinggi.

Skrip sama peniaga setiap kali menjelang musim perayaan

SAUDARA PENGARANG,

SEPINGGAN nasi arab dengan lauk ayam kini berharga RM15. Terkejut saya mendengarnya ketika menunjukkan juadah yang saya ambil kepada peniaga di kaki lima sebuah masjid berdekatan sebuah universiti terkenal di ibu negara.

Ela ditanya mengapa naik harga sehingga RM5, dia menjawab ayam sudah mahal dan akan diturunkan jika ternakan itu sudah murah.

Lihatlah kepada keadaan yang sedang berlaku sekarang. Harga kesemua barangan sudah naik sehingga peniaga yang tidak menyewa tapak pun berani mengambil kesempatan.

Seharusnya Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) mengambil tindakan tegas kepada mana-mana persatuan yang memulakan peperangan harga bagi mendesak kerajaan memenuh kehendak mereka.

Tindakan mereka yang dilihat sengaja menimbulkan suasana panik dengan mengatakan bekalan ayam dan telur akan berkurangan menjelang Ramadan tidak lain hanyalah untuk menguntungkan mereka.

Ia terbukti apabila kerajaan bersetuju untuk memberi subsidi berjumlah lebih setengah bilion bagi mengekalkan bekalan di pasaran tidak sampai lima hari mereka mengeluarkan kenyataan berbau ugutan.

Pengguna di mana-mana akan sentiasa menjadi mangsa kapitalis. Memang itu sistem yang digunakan pakai sejak sekian lama. Peniaga 'jerung' tidak pernah merasa rugi sehingga terpaksa gulung tikar. Yang tertekan adalah pengguna.

Apa pula wayang yang akan dimainkan selepas semua subsidi ini telah habis menjelang musim perayaan.

Sudah tentu skrip sama akan ditulis dan memanggil media untuk mengeluarkan kenyataan bahawa bekalan telur dan ayam akan kehabisan kerana kos dedak mahal.



PIHAK berkuasa perlu terus melakukan pemantauan harga ayam yang dijual peniaga agar sentiasa mematuhi harga siling.

MAKAN DALAM
Kuala Lumpur

Guna bahan alternatif tempatan ganti makanan ternakan import



Oth Shahrul Amri Ab Wahab
dan Syazliana Kasim
bhrencana@bh.com.my

Meskipun sudah kerap kali berlaku, kenaikan harga barangan keperluan sekali lagi menimbulkan keresahan dalam kalangan rakyat. Antara yang paling hangat dibicarakan sekarang adalah kenaikan harga ayam yang disumbangkan oleh kenaikan harga makanan ayam.

Pelbagai langkah diambil kerajaan dalam menangani isu ini, seperti menetapkan harga siling menerusi pemberian subsidi dan juga meningkatkan jumlah import bekalan ayam bulat.

Di samping itu, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dilaporkan merancang pengeluaran jagung bijian secara tempatan sebagai satu daripada langkah penyelesaian jangka masa panjang.

Lebih 55 peratus daripada makanan ayam adalah daripada jagung, manakala sekitar 70 peratus daripada kos keseluruhan pengeluaran ayam disumbangkan oleh kos makanan ternakan. Langkah ini dijangka dapat meningkatkan peratusan bahan mentah makanan ayam melalui sumber tempatan yang pada masa ini,

hanya berada pada kadar lebih kurang 10 peratus sahaja.

Bagaimanapun, setakat ini belum ada lagi cadangan daripada pihak kerajaan untuk meneroka penggunaan bahan alternatif lain yang berpotensi serta praktikal untuk dijadikan makanan ayam.

Ubi kayu serta beberapa jenis serangga khususnya, boleh menggantikan sebahagian makanan ayam dan itik seperti mana hasil dapatan daripada beberapa kajian saintifik oleh saintis tempatan dan antarabangsa, termasuklah saintis Pertubuhan Makanan dan Pertanian Dunia (FAO).

Bahkan, segelintir penternak di beberapa negara luar juga sudah pun menggunakan semua bahan ini untuk diberikan kepada ternakan ayam mereka.

Disebabkan ayam adalah makhluk omnivor, penggunaan serangga seperti larva lalat askar hitam dan cengkerik ke dalam diet pemakanan ayam tidak akan membawa sebarang mudarat kerana ayam akan mencari dan memakan serangga ini secara semula jadi sekiranya dibiar-kan hidup secara liar.

Tambahan pula, kedua-dua serangga ini mempunyai asid amino penting serta kadar pencernaan protein yang tinggi. Bahkan beberapa kajian turut membuktikan bahawa hasil daging dan telur daripada ayam yang memakan serangga sebagai diet mereka, adalah sama kualitinya dengan ayam yang diberi makan dengan dedak biasa.

Apa yang lebih menarik, hasil kajian juga mendapati bahawa kedua-dua serangga ini adalah lebih mapan dan mesra alam berbanding bahan lain. Ia juga bukanlah vektor pembawa penyakit kepada manusia.

Pada sama sama, lalat askar hitam dan cengkerik cepat membiak dan kedua-duanya sangat sesuai dengan iklim tropika di Malaysia. Kedua-dua spesies ini juga boleh diberi sisa makanan manusia sebagai makanan mereka, sekali gus menjadikan kos penternakannya rendah.

Selain itu, pembiakan lalat askar hitam dan cengkerik tidak memerlukan tenaga buruh yang banyak mahupun kawasan yang luas untuk dibiak. Ini membolehkan penternak ayam sendiri

melakukannya berhampiran dengan kawasan penternakan mereka bagi menampung sebahagian keperluan makanan ayam yang diternak.

Pihak kerajaan juga boleh membantu dengan membenarkan pembiakan serangga ini dilaksanakan di bangunan terbiar, ruang tidak digunakan dalam bangunan, ataupun di kawasan pembinaan separa terbengkalai.

Begitu juga ubi kayu yang mana terdapat beberapa kajian yang merumuskan bahawa ia boleh menggantikan jagung sehingga 50 peratus tanpa memberi kesan negatif terhadap berat serta tumbesaran ayam ternakan.

Ubi kayu serta beberapa jenis serangga khususnya, boleh menggantikan sebahagian makanan ayam dan itik seperti mana hasil dapatan daripada beberapa kajian saintifik oleh saintis tempatan dan antarabangsa, termasuklah saintis FAO. Bahkan, segelintir penternak di beberapa negara luar juga sudah pun menggunakan semua bahan ini untuk diberikan kepada ternakan ayam mereka.

Ubi kayu juga adalah alternatif yang dianggap ekonomikal kerana ia mudah ditanam dan tahan lasak, serta boleh ditanam di tanah yang rendah kesuburan yang mungkin tidak sesuai untuk tanaman lain.

Namun, semua ini perlu dimulakan dengan kajian oleh saintis daripada pelbagai disiplin termasuk entomologi, veterinar dan juga pelbagai bidang lain, bagi melihat secara terperinci setiap peringkat dalam keseluruhan proses ini.

Ini membabitkan proses yang bermula daripada mengenal pasti jenis sisa makanan terbaik untuk diberikan bagi pembiakan serangga tadi, sehinggalah nisbah terbaik bagi setiap bahan untuk dimasukkan dalam diet ayam ternakan untuk memberikan hasil yang optimum.

Disebabkan tempoh jangka hayat serangga serta ayam adalah pendek, kajian ini tidak memerlukan masa yang panjang untuk mencapai kesimpulan, apatah lagi negara kita sudah pun mempunyai ramai pakar dalam bidang yang terbabit.

Seandainya bahan bersifat tempatan ini dapat disahkan selamat untuk digunakan secara menyeluruh sebagai makanan ayam bagi menggantikan makanan ayam yang diimport, ia boleh mengurangkan kos makanan ayam dan seterusnya menurunkan harga ayam di pasaran.

Tambahan lagi, ia juga dapat mengurangkan nilai import, sekali gus membantu mengukuhkan nilai mata wang negara. Bukan sekadar itu, langkah ini juga mampu menjadi satu sumber pendapatan tambahan kepada penduduk negara kita.

Apa pun, segala apa yang dicadangkan di atas ini memerlukan kerjasama utuh antara pelbagai jabatan serta agensi kerajaan bagi menjadikannya satu realiti.

Oleh yang demikian, satu kesungguhan politik yang tinggi adalah sangat diperlukan bagi memastikan kerjasama rentas agensi ini dapat dibina tanpa sebarang halangan birokrasi.

